

**(Majlis Mesyuarat disambung  
semula pada pukul 2.30 petang)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Ahli-Ahli Yang Berhormat pada pagi tadi persidangan masih membincangkan dan membahaskan Perkara VI - Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Bagi membolehkan kita berbincang dan meneliti tajuk-tajuk bagi Rang Belanjawan seterusnya saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai  
Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang dalam Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi meneliti menimbangkan Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 satu per satu.

Pada pagi tadi, kita telah pun meluluskan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan seterusnya kita telah pun membentangkan tajuk di bawah Kementerian Pendidikan yang اللَّهُ أَكْبَرُ Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah pun menyampaikan

mukadimahnyanya tentang belanjawan dan hala tuju Kementerian Pendidikan secara terperinci dan komprhensif.

Maka saya sekarang membuka bagi tajuk-tajuk ini dibahaskan di bawah kementerian ini dan dibincangkan selanjutnya.

Saya mempunyai senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam perbincangan yang berkenaan ini. Saya mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terus saja kepada Kod Akaun yang dibincangkan pada petang ini iaitu Jabatan Pendidikan mengenai pengajian tinggi. Universiti-universiti kitani seperti Universiti Brunei Darussalam, Universiti Teknologi Brunei dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali sebagai institusi pengajian tinggi negara dalam beberapa tahun ini telah menunjukkan peningkatan mutu pendidikan.

Kalau dilihat pengeluaran universiti kitani, contoh saja pada tahun 2017, pelepasan berjumlah kira-kira 2000 lebih graduan. Ada lagi diketahui bahawa setiap universiti mempunyai badan bertanggungjawab khusus untuk alumni. Tetapi tidak diketahui sejauh mana ini beroperasi untuk memaksimumkan keterlibatan alumni kitani dalam meningkatkan mutu universiti.

Penglibatan alumni seperti yang diketahui boleh memperkayakan universiti menambah peluang pembangunan sumber manusia.

Soalan saya, apakah tahap penglibatan persatuan alumni ini dan apakah usaha ke hadapannya kerana saya tidak melihat mana-mana peruntukan yang diberikan spesifik untuk alumni ini? Ingin mencadangkan untuk mewujudkan sebuah platform yang bersesuaian bagi menyatukan dan mentadbir alumni-alumni kitani untuk mejadi sebuah sumber yang berguna untuk institusi-institusi pendidikan ini serta para alumni merasa dihargai serta terdapat menyumbang baik kepada alma mata mereka. malah contoh sahaja di negara-negara lain, para alumni inilah turut menyumbangkan kewangan bagi alma mata mereka dan perkara ini dapat direfleksikan di sini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan mengenai alumni di universiti-universiti dan pada cadangan yang diberikan. Buat pengetahuan bersama, semua universiti memang ada Badan Alumni mereka tersendiri.

Soalan yang ditanyakan, bagaimana penglibatan mereka di universiti memang ada penglibatan terutama dari segi mengadakan taklimat-taklimat terutama dalam memberikan jalan hala tuju kerjaya bagi bakal-bakal graduan dan memang alumni-alumni ini melalui

badan-badannya akan melibatkan diri dengan universiti-universiti itu.

Mungkin yang belum berapa nampak macam mana mereka dapat menampilkan diri secara menyerlah lagi mengenai penglibatan mereka di universiti-universiti tersebut, seperti contoh di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) alumninya memang aktif seperti dalam bidang dakwah dan bersama dengan universiti mereka itu dulu.

Di Universiti Brunei Darussalam memang ada penglibatan mereka terutama dalam memberikan maklumat mengenai kerjaya yang Universiti Brunei Darussalam menyediakan *Job fair*.

Memang ada dalam rancangan untuk menyusun lagi lebih rapi mengenai penglibatan alumni-alumni di universiti-universiti ini dan diharapkan suatu masa nanti akan juga alumni-alumni ini dapat menyumbang dari segi, bukan saja masa dan pengalaman tetapi juga, dari segi kewangan untuk pembangunan universiti-universiti seperti yang terdapat di universiti-universiti yang telah pun lama wujud di negara-negara lain.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya kurang faham mengenai soalan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad. Mengenai tajuk peruntukan yang diperlukan. Pada fahaman saya, saya mempunyai ijazah dari luar negeri tidak pernah alumni yang berkenaan mendapat peruntukan daripada kerajaan

disebaliknya saya yang memberi bantuan kepada alumni yang berkenaan itu.

Jadi, bagi caranya alumni itu hidup ialah kami sudah belajar di bawah naungan universiti-universiti berkenaan terutang budi kepada universiti itu, *now is the payback time* bagi kita untuk memberikan sumbangan kewangan yang seperlunya kepada universiti-universiti tempat kita berteduh dulu. Itu maksudnya.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, begitulah maksud saya mengenai perkara ini walaupun peruntukan yang dimaksudkan bukanlah yang diberikan oleh kerajaan malah untuk menyasarkan alumni-alumni kitani untuk membantu dan juga menyumbangkan keperluan bagi universiti-universiti kitani supaya ia lebih berdaya tahan dan juga memperkasakan universiti kitani. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Saya beralih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

لِسَّلَامٍ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Pertama sekali setinggi-tinggi penghargaan serta tahniah atas pembentangan mukadimah yang

disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan pagi tadi.

Maka di sini kaola menyampaikan 2 perkara dalam Tajuk SF01A. Kaola terus sahaja ke soalan Yang Berhormat Pengerusi:

1. Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Program Harapan dan Program Anak Harapan sejak tahun 2018 dengan memberikan kemudahan pemakanan iaitu sarapan pagi dan makan tengah hari kepada beberapa buah sekolah menengah dan sekolah rendah yang terpilih. Kedua-dua program ini bertujuan:
  - i. Membantu pelajar-pelajar di sekolah berkenaan meningkatkan potensi mereka secara maksimum.;
  - ii. Membantu menjadikan para pelajar lebih bersedia dan pembelajaran yang bekesan.;
  - dan
  - iii. Merangsang peningkatan kehadiran dan pencapaian pendidikan mereka.

Ini selaras dengan matlamat pembangunan mampan (*sustainable development goal*) iaitu untuk memberikan peluang pembelajaran yang *inclusive* dan saksama dengan memastikan semua pelajar berada di sekolah dan bersedia untuk belajar.

Sehubungan dengan itu, sukacita kaola ingin tahu, semenjak program-program ini dilaksanakan boleh kiranya pihak Kementerian Pendidikan mengongsikan keberkesannya. Adakah data-data atau bukti yang menunjukkan dengan memberikan kemudahan pemakanan sekolah - sekolah berkenaan telah berjaya meningkatkan kehadiran pelajarannya.

Dari sudut akademi pula, adakah data-data yang mempamerkan peningkatan dalam prestasi pelajar sama ada melalui keputusan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi pelajar-pelajar disekolah rendah yang terlibat ataupun keputusan Peperiksaan *GCE 'O' Level* bagi pelajar-pelajar di sekolah menengah? Jika terbukti Program Harapan dan Program Anak Harapan ini telah berkesan, adakah Kementerian Pendidikan juga merancang untuk melarutkan ke sekolah yang lain?;

2. Keputusan pelajar-pelajar yang menduduki Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan Peperiksaan Antarabangsa seperti *GCE 'O' Level* dan *GCE 'A' Level* bagi tahun 2020 adalah memberangsangkan. Bagi keputusan PSR hampir 22% calon mendapat gred A dalam 5 mata pelajaran iaitu kenaikan sebanyak 6.17% dari tahun sebelumnya. Bagi peperiksaan *GCE 'O' Level* sejumlah 45% calon peringkat nasional telah memperolehi 5 hingga 12 '*O' Level*' iaitu meningkat sebanyak 4.2% dari tahun

sebelumnya. Begitu juga peperiksaan *GCE 'A' Level* 75% peringkat nasional telah memperolehi 3 '*A' Level*' iaitu peningkatan sebanyak 4.74% dari tahun sebelumnya. Syabas kepada Kementerian Pendidikan dan setinggi-tinggi tahniah kepada guru-guru yang mendidik pelajar-pelajar yang cemerlang.

Soalan kaola, adakah pihak Kementerian Pendidikan telah membuat kajian mengenai punca kenaikan prestasi pelajar bagi tahun 2020 memandangkan negara kita turut terjejas akibat pandemik *COVID-19* sehingga sekolah ditutup dan pembelajaran berjalan secara dalam talian? Adakah pembelajaran secara dalam talian turut menyumbang terhadap peningkatan prestasi akademik pelajar?

Jika ada, bukti-bukti yang menunjukkan pembelajaran secara dalam talian boleh memberikan kesan yang positif kepada proses pembelajaran, apakah tindakan strategik Kementerian Pendidikan dalam menggalakkan sekolah-sekolah dan institusi pendidikan untuk mengamalkan pembelajaran dalam talian ataupun *Blended Learning*?

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan dan juga cadangan yang diberikan. Bagi menjawab soalan mengenai Program Harapan dan Program Anak Harapan, kajian dibuat secara *on going* sebab program-program masih lagi berjalan dan kajian awal menunjukkan dengan objektif untuk meninggikan kedatangan program ini diberikan makan dan minum pada anak-anak ini untuk meningkatkan akses kepada pendidikan. Jadi yang dilihat kedatangan mempunyai *mixed impact* dan ada sekolah-sekolah yang menunjukkan peningkatan yang perlu dikaji lagi untuk meningkatkannya.

Mengenai *impactnya* kepada *academic* iaitu putusan ia adalah *impact* secara *indirect* bukannya secara *direct* kepada program-program ini. Ada didapati dari peringkat menengah 4 dari 5 sekolah yang mengikuti program ini menunjukkan peningkatan iaitu 80% sekolah-sekolah tersebut menunjukkan peningkatan dari 1 sekolah masih lagi perlu dipertingkatkan dan perlu difahami sekolah itu sekolah yang mempunyai cabaran-cabaran yang lain lagi. Program ini perlu lagi diperkukuhkan lagi dengan program-program lain lagi untuk mendapatkan peningkatan tersebut.

Mengenai soalan kedua iaitu kajian prestasi peningkatan keputusan pada tahun 2020 kitani menghadapi pandemik *COVID-19* dan keputusan yang telah diterima memang di luar jangkaan terutama daripada peperiksaan di peringkat antarabangsa.

Masa ini Kementerian Pendidikan melakukan kajian terperinci dari kajian yang singkat sebab keputusan ini baru diterima dan didapati bahawa program-program *learning support* yang telah diberikan oleh guru-guru terutama setelah kitani membuka sekolah dapat memberikan impak yang baik kepada anak-anak murid kitani, pelajar-pelajar kitani dan mungkin juga akan dikaji lagi dengan *alternative a way of teaching* 'diorang' ini iaitu dari segi *blended* akan memberikan impak tetapi kajian terperinci ini belum lagi selesai dan diharapkan akan dapat diselesaikan dalam sedikit masa lagi dan juga mengenai *blended learning* memang dalam rancangan Kementerian Pendidikan, ia akan dijadikan satu kebiasaan.

Inilah *new normal* ataupun norma baharu dalam alam pendidikan bahawa *blended learning* akan diadakan. Untuk pengetahuan bersama jua, Kementerian Pendidikan baru saja selesai mengadakan *school leaders convention* bahawa program *blended learning* punya *framework* telah pun dilancarkan dan diharapkan ia akan menjadi satu kebiasaan ataupun norma baharu dalam sekolah-sekolah kerajaan pada masa-masa akan datang. Impaknya jua akan dikaji dengan lebih lanjut lagi agar ia dapat diperbaiki dari semasa ke semasa.

Memang *blended learning* adalah hala tuju masa hadapan kitani dan ia akan menjadikan satu kaedah yang mungkin dapat memberikan impak-impak yang positif. Bukan saja dari segi akademik, dari segi infrastruktur, menambah lagi

tempat-tempat pengajian terutama di pengajian peringkat tinggi. Pada masa ini jua, memang Kementerian Pendidikan menggubal dan juga untuk *melaunch* mengenai *digital literacy* agar *blended learning* ini lebih dapat *disupport* dengan baik dan jua untuk meningkatkan rangkaian sekolah kitani agar ia dapat memberikan keselesaan bukan saja pada guru-guru mengajar dan juga pada pelajar-pelajar dalam melalui pembelajaran mereka dalam talian itu. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰی اَشْرَفِ الْاَنْبِیَاءِ  
وَالْمُرْسَلِیْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰی آلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِیْنَ

Yang Berhormat Pengerusi, Kaola hanya ingin mengaitkan apa yang akan kaola sampaikan kepada mukadimah Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi ada dua isu:

1. Tahniah (mabruk) dalam bahasa Arab, atas kejayaan pelajar-pelajar kitani dalam pelbagai peringkat peperiksaan yang telah mencapai tahap yang baik dan membanggakan. Walau bagaimanapun, dari satu segi

kelulusan merupakan prasyarat jua bagi kejayaan seseorang pelajar pada masa hadapannya. Tetapi, ada lagi satu aspek lain yang menjadi nilai tambah yang lebih baik kepada kejayaan dalam bidang pelajaran itu.

Maksud kaola ialah, dahulu kitani ada sistem '3M', semasa kitani belajar di sekolah rendah, kitani diajar: M-Membaca, M-Menulis dan M-Mengira. Dengan '3M' itu, membesarlah kitani menjadi insan dan ada yang berjaya hingga ke menara gading dan seterusnya ke luar negeri dengan '3M'.

Tapi ada kalanya, kitani beroleh kelulusan yang tinggi-tinggi tetapi pulang dengan menjadi orang lain, bukan yang diharapkan oleh negara, tidaklah banyak segelintir. Jadi, kaola ingin mengaitkan perkara itu dengan satu lagi 'M'. Perkara ini pernah kaola ristakan dalam muzakarah dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, 'inda' silap dalam bulan Disember 2020 atau bulan Januari, kaola lupa tarikhnya.

Iaitu, satu lagi 'M' yang kaola maksudkan itu ialah 'Menghayati'. Menghayati apa yang diajar itu mana baik diambil untuk meneruskan kelangsungan kejayaan kitani dan mana yang tidak baik jadikan sempadan dan teladan. Ini ada kaitannya dengan pembinaan jati diri anak bangsa sebagai bangsa Brunei. Amatlah mustahak menghayati apa yang diajarkan itu dengan sesungguhnya termasuklah apa yang

diajarkan oleh agama, apa yang diajarkan melalui budaya bangsa dan sebagainya. Jadi, kaola cadangkan lagi satu 'M- Menghayati'.;

2. Kejayaan pembelajaran kanak-kanak kitani itu ada kaitannya jua dengan sistem yang diamalkan dan kitani ada jua dahulu diajarkan menulis Jawi. Kaola sering menimbulkan isu tulisan Jawi ini dan penggunaan tulis Jawi di muzakarah-muzakarah dengan kementerian-kementerian. Tetapi kali ini, kaola kaitkan dengan beberapa pertanyaan.

Sejauh manakah pencapaian murid-murid dalam pengetahuan tulisan Jawi dari peringkat rendah, menengah dan seterusnya peringkat tinggi? Secara realitinya, kaola sering terjumpa pelajar-pelajar di peringkat menengah yang belum lancar membaca Jawi. Kalau membaca Quraan, mereka boleh tahan kerana ada baris. Tapi kalau Jawi ada kecelaruan sedikit, ditambah lagi dengan adanya tiga sistem tulisan Jawi pada masa ini seperti yang pernah kaola sebutkan dalam mesyuarat dua tahun lepas di Dewan yang mulia ini.

Jadi, timbul beberapa kecelaruan di pihak pelajar dan juga orang ramai. Ada tiga sistem iaitu sistem Kementerian Pendidikan, sistem Kementerian Hal Ehwal Ugama dan juga sistem Jabatan Adat Istiadat Negara dari segi ejaannya. Jadi, pertanyaan kaola ialah sejauh mana pencapaian ataupun penerimaan

pelajar-pelajar dalam pelajaran tulisan Jawi? Adakah ia diperkasakan dengan mengajar mereka secara subjek yang tetap ataupun ada program-program khusus bagi memperkasakan tulisan Jawi di sekolah-sekolah? Antaranya termasuk barangkali langkah-langkah menjawikan papan-papan ataupun kenyataan notis-notis, bangunan sekolah-sekolah, adakah ditaruh jua tulisan Jawi?

Kaola tertarik semalam sembahyang Jumaat di Kampung Burung Pingai Air, kaola terperanjat melihat semua jalan-jalan di kampung itu, ditulis dalam tulisan Jawi di atasnya dan diikuti dengan tulisan Rumi dan nama-nama jalannya pun 'bisai', nama-nama buah (buah surapit, buah durian dan sebagainya). Satu yang menggembirakanlah kerana ada Jawi di sana sebagai khazanah kitani.

Jadi, kaola harap isu Jawi ini janganlah kitani pinggirkan ataupun anggap ianya kurang penting kerana Jawi adalah khazanah bangsa dan perlu kitani pertahankan, perjuangkan, tingkatkan dan malah ada jawatankuasa khas pagi mengharmonikan sistem tulisan jawi ini. Demikian yang dapat kaola sampaikan dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih, Yang Berhormat mengenai soalan-soalan tadi dan juga cadangan yang diberikan.

Untuk menjawabnya, Kementerian Pendidikan bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat mengenai menghayati itu tadi.

Memang dalam sistem pendidikan kitani, menghayati ini diberikan keutamaan kalau dari segi *pedagogy is mastery* agar pelajar-pelajar kitani bukan sahaja tahu tetapi menghayati dan ia akan memberikan lebih pengertian dan juga *internalization* yang lebih mendalam dan ia akan memberi impak dari segi kelakuan. Jadi, memang itu tujuan SPN21 dan ia akan dipantau dari semasa ke semasa.

Untuk meningkatkan lagi menghayati jati diri bangsa kitani, Kementerian Pendidikan juga melaksanakannya melalui kokurikulum yang diadakan di sekolah-sekolah dan ia diharapkan akan memantapkan lagi penghayatan pelajar-pelajar kitani agar jati diri mereka akan lebih mantap dan kekal sebagai orang Brunei. Harus difahami jua, pada masa ini generasi muda menghadapi pelbagai cabaran terutama dalam dunia yang bersifat global dan *connectivity* nya mungkin lebih mendalam. Jadi, perkara ini menjadi perhatian Kementerian Pendidikan.

Bagi menjawab soalan kedua mengenai tulisan Jawi ini, Kementerian Pendidikan memberikan tekanan juga kepada pelajaran Jawi yang merupakan salah satu kemahiran yang dimasukkan ke dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dari peringkat rendah hingga peringkat menengah. Perkara ini, telah lama dilaksanakan bukan sahaja dalam sistem SPN21 malah dari sistem *formal* yang

dilaksanakan di negara ini pada masa-masa yang lalu jua.

Jabatan Perkembangan Kurikulum telah pun berusaha menyediakan pelbagai bahan sumber seperti buku teks Jawi dan bahan-bahan tambahan seperti kad-kad Jawi untuk memperkayakan kemahiran pelajar-pelajar membaca dan menulis dalam Jawi. Di peringkat rendah, pelajaran Jawi dimasukkan dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah dan manakala di peringkat menengah, pelajaran Jawi diajarkan sebagai kesinambungan kepada pelajar-pelajar bagi mengukuhkan pelajaran Jawi pada masa kini.

Dikongsikan jua, ada inisiatif sekolah dalam Program Membaca Jawi, iaitu perpustakaan sekolah menyediakan buku-buku cerita dan rujukan dalam tulisan Jawi. Kolaborasi bersama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka dibuat bagi mendapatkan senarai buku cerita dalam tulisan Jawi yang ada pada masa ini dan yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Diharap ia akan berterusan jua pada masa akan datang.

Di peringkat tinggi juga, umpamanya di *IBTE*, ia diterapkan dalam mata pelajaran *Islamic Religious Knowledge (IRK)* dan Melayu Islam Beraja (MIB) yang dimestikan kepada semua program di *IBTE*. Dalam pada itu juga, UNISSA pula bergiat aktif menganjurkan bengkel-bengkel asas seni khat dan pameran serta pertandingan berkaitan dengannya untuk orang ramai dan para belia. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.



**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:**

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Kaola suka untuk membawa di bawah Tajuk SF01A – Jabatan Kementerian Pendidikan.

Kaola membawa berkenaan SPN21 yang pernah direviu pada tahun 2012. Beberapa kaji selidik telah dijalankan kepada guru, murid dan kalangan ibu bapa. Hasil kaji selidik telah pun dilaporkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan dikongsi sama dengan semua warga Kementerian Pendidikan.

Beberapa perubahan kecil telah dilaksanakan seperti Program Literasi di peringkat pendidikan rendah. Kaola kira, sudah tepat masanya untuk direviu kali kedua tetapi reviu yang khusus *target* seperti reviu inisiatif-inisiatif yang ada pada masa ini seperti *BTEC Level* khusus pelajar-pelajar cenderung kepada bidang teknikal seperti *Level Skill Certificate 1, Foundation, Skill Certificate 2* dan lain-lain yang dikira sesuai untuk direviu mengikut kesesuaian masa kini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam juga pernah bertitah semasa lawatan tidak berjadual ke Kementerian Pendidikan pada 12 Januari 2021 mengenai SPN21 perlu direviu.

Seterusnya kaola membawa di bawah Tajuk SF02A – Universiti Brunei Darussalam:

1. Dicadangkan dikaji semula *age limit* 30 tahun bagi mereka yang ingin mengambil *degree* untuk mendapatkan *scholarship* kerana jika mengikut sistem sekarang, umur yang layak untuk mengambil *degree* ialah sehingga 30 tahun sahaja. Bererti bagi mereka yang berumur 30 tahun ke atas, terpaksa perbelanjaan sendiri.

Kalau kira, negara mengalu-alukan rakyat berpendidikan tidak mengira umur, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* ia akan mendatangkan manfaat kepada negara. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* seseorang yang berilmu akan memberi manfaat kepada orang lain. *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* berfirman, maksudnya: "Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat." Surah Al-Mujaddalah, ayat 11.

2. Dicadangkan supaya kantin ditambah bilangannya dua atau tiga kerana masa kini makanan yang disediakan dikatakan kurang dari segi rasa dan harga kupon. Oleh sebab itu, penuntut kurang berminat dengan makanan yang disediakan sedangkan penuntut-penuntut memerlukan kupon untuk mendapatkan makanan.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari mengenai soalan-soalan dan cadangan yang diberikan.

Untuk menjawab mengenai SPN21 ini, pihak Kementerian Pendidikan mengadakan reviuinya sepanjang masa, bukannya mengikut masa-masa tertentu sahaja, sebab banyak program-program yang dilaksanakan. Ia berkenaan dengan SPN21 dari segi kurikulum, *standard*, *pedagogy* dan juga peperiksaannya, penyediaan segala *material* dan sebagainya.

Memang ia akan diperbaiki dari semasa ke semasa, sebab sistem memang sudah berjalan dan ia akan diberikan perhatian di mana *parts* sistem ini yang memerlukan pembaikan. Seperti yang dibentangkan dalam mukadimah itu, semua yang dilaksanakan untuk pembaikan SPN21 secara menyeluruh.

Jadi, ia satu sistem pendidikan yang kitani lalui dan diharapkan semuanya ini akan diberi *emphasis* sebaik-baiknya yang didapati kekurangan akan diberikan pembaikan.

Seperti jua yang dicadangkan tadi, dalam Program *BTEC* itu di dalam reviu Kementerian Pendidikan, adakah ia bersesuaian dan di mana lagi keperluan-keperluan yang diperlukan seperti guru-guru dan juga *training* guru-guru dalam *BTEC*, kurikulum dan juga kemudahan-kemudahan untuk melaksanakan program *BTEC* berkenaan adakah ia

mencukupi atau tidak, sentiasa dilakukan dan ada juga didapati kekurangan-kekurangannya pada masa ini dalam pembaikan.

Mengenai cadangan untuk mereviu *age limit* untuk mendapatkan *scholarship* dalam negeri, Kementerian Pendidikan menyambut baik dan mungkin akan dilihat juga apakah ia dapat kitani laksanakan dalam keadaan kita menghadapi dalam bajet defisit dan diharapkan ia dapat dilaksanakan dengan baiknya dan akan memberikan satu kebaikan kepada Negara Brunei Darussalam secara keseluruhannya.

Mengenai cadangan kantin ditambah, perkara ini akan diambil maklum dan akan disiasat lagi dengan pembaikan dalam penyediaan kantin dan makanan di UBD akan dapat diperbaiki lagi dan terima kasih juga atas cadangan-cadangan yang telah diberikan itu.

Sekian. Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan pula Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola bercakap di bawah Akaun Kod 001/00 - Pengurusan Dasar dan Pentadbiran, mengenai Pengiktirafan Kelayakan dan Kelulusan. *Brunei Qualification Framework* ringkasnya *BDQF* samalah juga seperti *National*

*Qualification Framework (NQF)* iaitu satu instrumen yang menyediakan garis panduan bagi mengklasifikasikan kelayakan atau kelulusan.

Dalam *ASEAN*, Negara Brunei Darussalam menyertai penubuhan (*NQF National Qualification Framework*) yang di anggotai oleh Malaysia, Thailand, Filipina dan Indonesia. Soalan kaola jika pelajar-pelajar Brunei Darussalam mempunyai kelulusan dari bukan negara keanggotaan *NQF* ini adakah keulusan dari negara lain dalam *ASEAN* diguna pakai di Negara Brunei Darussalam dengan pengiktirafan yang sama atau ada perubahankah tertakluk kepada modul kursus institusi pengajian tinggi di tempat-tempat berkenaan?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, isu kedua ialah Kod Akaun 007/007 - Pusat Keusahawanan dan Inovatif.

Kaola pernah mendengar Skim Pendidikan Keusahawanan Brunei (*Brunei Entrepreneurship Education Scheme*) iaitu ringkasnya *BEES* iaitu usaha sama Kementerian Pendidikan dengan Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad juga Program *BEES jumpstart* Kementerian Pendidikan yang pada suatu ketika dulu pernah menganjurkan Ekspo Pembangunan Keusahawanan Pelajar ataupun *Student Entrepreneurship and Development Expo* ringkasnya *SEDEX* dalam menggalakkan budaya keusahawanan dan inovasi dalam kalangan pelajar.

Jadi, kaola ingin tahu apakah perkembangan program ini dan apakah ada cadangan untuk meneruskan lagi *SEDEX* ini sebagai perancangan untuk memperkasakan Pusat Keusahawanan dan Inovatif seterusnya?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola bercakap di bawah Akaun Kod 003/00 - Pendidikan Rendah. Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan tahniah kepada Bahagian Pendidikan Rendah kerana telah banyak menubuhkan Badan-Badan Kebajikan umpamanya Skim Miftahun Najaah yang memberi kesaksamaan peluang pendidikan negara iaitu Projek Rintis Klastrasion iaitu PRKT yang berbentuk kelas tambahan percuma dan juga program sekolah contoh. Soalan kaola, apakah perkembangan kedua-dua program ini, adakah masih lagi dilaksanakan sebab sejak akhir-akhir ini tidak lagi kedengaran aktiviti nya?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola meneruskan isu lagi dalam Pendidikan Rendah ini iaitu ura-ura perpindahan murid-murid dari Sekolah Benutan untuk digabungkan dengan Sekolah Rendah Panchong.

Dalam perancangan ini setentunya mengalami masalah seperti kemudahan pengangkutan, tempat tinggal sementara berdekatan Sekolah Rendah Panchong atau Skim Pemakanan Tenga hari dengan pelajar-pelajar menyambung sekolah agama, kerana jarak jauh antara kedua sekolah.

Selain itu, keadaan jalan yang kurang selesa dan sering menghadapi banjir kerana pada akhir tahun lepas dan awal tahun ini sahaja ada lima kali dilanda banjir menyebabkan kenderaan jenis *saloon* tidak dapat melaluinya. Jika kemudahan ini tidak dapat disediakan, maka akan terjejas kehadiran murid berkenaan ke Sekolah Rendah Pancung dan terjejasnya juga program dakwah keagamaan yang tidak langsung kerana persekolahan agama sebelah petang ada kalangan murid dari yang *non-muslim*.

Kaola menghormati cadangan gabungan ini kerana matlamat Kementerian Pendidikan amat jelas iaitu untuk meningkatkan masalah sosial yang positif dan meningkatkan pencapaian akademik juga mahu personaliti yang lebih menarik kepada pelajar yang bergabung dari dibiarkan sahaja pelajar dalam kumpulan kecil dan terpencil.

Jika kemudahan yang kaola sebutkan tadi tidak dapat disediakan dan gabungan diteruskan juga, maka implikasi daripada masalah ini boleh menyebabkan keresahan dan mungkin *stress* dalam kalangan pelajar dan ibu bapa seterusnya boleh menyebabkan pelajar dan ibu bapa mengambil tindakan yang tidak sewajarnya seperti memberhentikan pelajar dari bersekolah.

Hal ini sering berlaku kepada keluarga yang kurang berkemampuan. Oleh itu kaola dan ibu bapa penduduk berkenaan ingin tahu apakah keputusan perancangan gabungan ini diteruskan atau tidak, kalau diteruskan juga apakah sudah persediaan yang telah

dirancangkan setakat ini. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

### **Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat mengenai soalan-soalan yang diberikan itu. Mengenai soal pengiktirafan kelulusan dari luar negeri, ia perlulah diketahui dan ini pun sudah juga diterangkan pada masa lalu di Dewan yang mulia ini. Setiap program yang diikuti oleh orang kita di luar negara dipohonkan untuk merujuk kepada Kementerian Pendidikan, adakah ia diiktiraf oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam juga sebelum mengikutinya supaya perkara yang tidak diinginkan akan berlaku.

Jadinya, memang program-program di luar negara itu kita nilai secara *case by case* adakah ia mengikut dengan *standard-standard* atau kriteria-kriteria yang telah ditetapkan agar ia selaras dengan kehendak-kehendak kita. Itulah yang dapat kita kongsi. Mengenai *Entrepreneurship Innovation Centre* ianya adalah satu peningkatan dari program *BEES jumpstart* yang telah pun dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat bahawa kita memantapkan lagi Pendidikan Keusahawanan dalam semua peringkat pendidikan di negara ini.

Sebab itulah Kementerian Pendidikan menubuhkan *Entrepreneurship Innovation Centre* iaitu mereka mempunyai program-program yang lebih teratur dan sistematik di peringkat rendah, menengah agar kita dapat

memberikan ilmu dan juga amalan-amalan terbaik dan juga untuk menyuntik keinginan menjadi seorang pengusaha dalam kalangan pelajar ini dari peringkat rendah lagi hingga ke peringkat menengah dan seterusnya. Jadinya itulah sebabnya mengapa program *BEES jumpstart* telah pun dirangkumi dalam Program *Entrepreneurship* dan *Innovation Centre*. Mengenai pendidikan rendah, cadangan pencantuman Sekolah Rendah Binutan dan Sekolah Rendah Panchong itu adalah satu cadangan untuk memberikan anak-anak satu pengalaman pendidikan yang lebih mantap dan tidak terpercail dan kita memikirkan jati dirinya, bagaimana dibangunkan dan sebagainya. Perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat telah pun difikirkan.

Jika cadangan ini dipersetujui oleh semua pihak, bukannya *one way street* dan perundingan telah pun diadakan dengan ibu bapa, guru-guru dan ketua-ketua komuniti tersebut dan didapati pada masa ini belum ada persetujuan secara sebulat suara dicapai. Cadangan itu masih lagi tinggal cadangan dan belum lagi dapat dipraktikkan sehinggalah nanti ada persetujuan bersama semua pihak didapati. Jadinya itulah *the latest situation* mengenai cadangan pencantuman kedua-dua sekolah berkenaan.

Mengenai dengan Program Miftaahun Najaah, ia masih lagi berjalan dan diharapkan ia akan dilakukan dengan lebih baik lagi dengan agensi-agensi *NGO* yang lain dan diharapkan ia akan dapat memberikan manfaat kepada pelajar-

pelajar dalam Program Miftaahun Najaah ini. Itu saja yang dapat diberikan buat masa ini dan mungkin pada masa-masa akan datang akan diberikan lagi bukti-bukti yang lebih terperinci mengenainya. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 اللَّهُمَّ الْحَمْدُ لِلَّهِ dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas mukadimah mengenai Kementerian Pendidikan pada petang ini. Kaola ingin mengajukan isu mengenai Unit Pendidikan Khas, salah satu matlamat dalam Wawasan Brunei 2035 ialah bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Soalannya, apakah peranan dan perancangan Kementerian Pendidikan khususnya Unit Pendidikan Khas dalam membantu kerajaan mencapai matlamat ini terutama sekali bagi pelajar-pelajar atau individu-individu berkeperluan khas atau kelainan upaya?;

Kedua merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa lawatan tidak berjadual baginda ke Kementerian

Pendidikan pada 12 Januari 2021 yang lalu, baginda ada bertitah: "Jumlah guru-guru di bawah UPK ataupun Unit Pendidikan Khas kurang dan tidak mampu menampung keramaian murid-murid keperluan khas di sekolah-sekolah dan ini memerlukan tindakan yang cepat". Soalnya apakah perbincangan atau tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan khususnya Unit Pendidikan Khas dalam menyahut titah baginda mengenai perkara ini?;

Ketiga selain isu-isu seperti bebanan tugas guru pendidikan khas yang berlebihan dan jumlah keramaian murid-murid keperluan khas yang terlalu ramai, ada didengar guru-guru pendidikan khas juga berhadapan dengan isu seperti dalam kalangan murid keperluan khas yang membuat perkara-perkara yang kurang elok seperti menggigit guru atau murid yang lain meludah ke arah guru atau murid yang lain, menarik tudung guru ataupun murid yang lain dengan kasar ketika marah, mencakar guru atau murid yang lain dan sebagainya. Perkara ini merupakan antara isu yang signifikan yang dihadapi oleh guru-guru pendidikan khas di sekolah dan tidak harus dipandang ringan memandangkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri ada bertitah ketika lawatan tidak berjadual ke Kementerian Pendidikan seperti kaola sebutkan tadi pada 12 Januari 2021 yang berbunyi: "Isu sekolah memang mencabar kerana itu perlu diberikan perhatian istimewa."

Soalnya bagaimana cara pihak Kementerian Pendidikan atau Unit Pendidikan Khas menangani isu seperti ini bagi memastikan aspek-aspek seperti keselamatan, kesihatan, fizikal serta mental guru-guru dan murid-murid lain terjaga?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat, atas soalan-soalan tersebut terutama mengenai Unit Pendidikan Khas dan kaola akan menjawabnya secara menyeluruh kerana soalan-soalan ketiga-tiga itu berkaitan dengannya. Apa yang sedang dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk memantapkan lagi pendidikan khas di Negara Brunei Darussalam ini? Tindakan-tindakan yang telah diambil ialah untuk menubuhkan *centre of excellence* iaitu kita akan *centralise* pendidikan khas kepada sekolah-sekolah tertentu di setiap daerah agar kita dapat memaksimumkan semua *resources* kita terutama dari segi guru dan juga tenaga-tenaga pengajar lain yang diperlukan dalam pendidikan khas dan juga *teaching resources* dan juga dari segi peralatan-peralatan pembelajaran yang diperlukan untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak murid khas kita ini. Jadinya ia telah pun dilaksanakan di Daerah Temburong dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*

Pada Tahun Kewangan 2021/2022 ini ia akan dilaratkan ke Kuala Belait dan juga Tutong.

Semasa ini perancangan dan juga pelaksanaan renovasi sekolah-sekolah telah pun dibuat dan diharapkan ia akan dapat dilaksanakan dalam tahun kewangan akan datang ini. Untuk menangani tentang kekurangan guru UPK ini, pihak kementerian telah pun mengadakan jawatan-jawatan yang dalam proses *trade-off* untuk guru-guru, *assistant teachers* yang diperlukan untuk menangani guru-guru *SENA* dan ada juga pengambilan guru-guru *SENA* yang dibuat dan ia diharapkan akan dapat dilaksanakan sesegera mungkin.

Mengenai bagaimana untuk menangani juga kesejahteraan guru-guru *SENA* supaya ia dapat mengelakkan dari kecederaan, yang diperlukan disini ialah mereka ini diberikan latihan yang - secukupnya untuk menangani pelajar-pelajar khas ini bukan sahaja guru *SENA* juga guru-guru penolong mereka dan juga *home room teachers* dan lain-lain dan diharapkan latihan ini dapat menolong mereka dapat menangani ini. Latihan-latihan ini memerlukan masa dan ia akan menjejaskan tindakan-tindakan kitani adakah ia tidak dapat dilakukan dengan segera.

Dalam usaha Kementerian Pendidikan bukan sahaja untuk guru-guru *SENA*, tetapi untuk seluruh guru di negara ini iaitu di bawah Kementerian Pendidikan, satu unit kebajikan guru-guru sedang ditubuhkan untuk menangani isu-isu seperti stres dan juga isu-isu mental para-para guru. Inilah sebahagian daripada tindakan yang diambil, Unit Kaunseling para guru yang terdapat pada masa ini adalah Unit Kaunseling untuk

murid-murid dan sekarang ini dalam proses penubuhannya ialah Unit Kaunseling untuk guru-guru agar kebajikan guru-guru lebih dapat ditangani dan ia akan memberikan satu tempat yang guru-guru kitani dapat menyuarkan kewahaman ataupun masalah-masalah mereka hadapi.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi yang dapat dikongsikan pada masa ini.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih. Kaola ingin membawakan Tajuk SF01A - Isu salah padan subjek. Kementerian Pendidikan perlu mengambil langkah yang strategik dan bersepadu dalam pengambilan mata pelajaran atau *course* di institusi pendidikan tertentu. Pihak kerajaan perlu meneliti kombinasi subjek yang akan dipelajari kerana ditakuti tidak sepadan kesannya. Ini akan menjejaskan masa depan pelajar itu sendiri. Selain potensi mereka yang tidak dapat dioptimumkan, pembaziran tenaga kerja akan berlaku.

Oleh itu, isu salah padan subjek perlu diambil lebih serius. Hal ini bagi mengelak efek yang buruk kepada masyarakat dan negara kita sendiri. Dengan ini juga, kaola mencadangkan agar para ibu bapa atau penjaga serta pendidik diberikan ilmu kesedaran tentang kepentingan hal ini bagi mengelak keciciran pelajar dalam masa yang sama.;

Kedua Pengajaran dirakam. Kaola mencadangkan agar Kementerian Pendidikan akan dapat menambah baik cara penyampaian pengajaran bagi pelbagai mata pelajaran yang pelbagai. Salah satu cara bagi meningkatkan kualiti pengajaran adalah dengan merakam cara pengajaran proses pelajaran di antara pendidik dan pelajar mereka. Namun hanya guru-guru yang dirasakan layak dan berkualiti sahaja terpilih boleh dirakam dan seterusnya bahan tersebut boleh dikongsi dengan para pendidik lainnya dengan izin guru berkenaan sendiri. Kaedah ini diharap akan dapat meningkatkan kualiti pengajaran para pendidik dan pembelajaran para pelajar dan supaya para pendidik yang lainnya dapat menerapkan teknik dan kaedah yang efektif dalam kelas masing-masing.;

Ketiga program elak keciciran pelajar. Terdapat sebilangan pelajar yang tercicir dari mendapatkan pendidikan yang sewajarnya disebabkan oleh masalah rumah tangga ibu bapa mereka atau masalah peribadi lainnya. Untuk itu, kaola mencadangkan agar kes seperti ini akan dapat ditangani oleh pihak Kementerian Pendidikan dengan melibatkan pelbagai organisasi seperti *JAPEM*, Badan-Badan *NGO* dan seumpamanya.

Seterusnya menempatkan mereka semula ke sekolah yang berpatutan yang sepatutnya mereka hadiri bagi mengurangi masalah sosial. Kaola berharap langkah intervensi akan dapat dijadikan keutamaan guru atau pegawai pendidikan pada peringkat daerah dan

negeri perlu bekerjasama bagi mengelakkan pelajar berisiko tercicir selagi punca keciciran tidak ditangani selagi itulah potensi rakyat belum dapat dioptimumkan.

Sekian, terima kasih Yang terhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan tersebut dan Kementerian Pendidikan mengambil baik atas cadangan-cadangan yang telah diberikan itu. Bagi menjawab isu salah padan subjek ini, akan dikongsi setiap pelajar dan ibu bapa sebelum memilih subjek itu memang ada sesi konsultasinya. Terutama bagi pelajar selepas '*O' Level*' kan masuk ke '*A' Level*' dan juga program-program yang lain itu. Mereka akan berbincang dengan para guru mengenai pemilihan subjek-subjek tertentu itu.

Di Kementerian Pendidikan ada Unit Kerjaya dan unit ini yang juga memberikan bimbingan *guidelines* dan juga maklumat-maklumat mengenai subjek-subjek yang dapat dipiih agar isu salah padan ini dapat dielakkan. Diseru kepada semua pelajar dan ibu bapa akan dapat merujuk kepada sekolah-sekolah yang ada mempunyai Unit Kerjaya dan juga Kementerian Pendidikan yang memang ada unit tersebut.

Pada masa ini, ada dilaksanakan untuk menyebarluaskan lagi maklumat-maklumat terutama dalam *digital formnya* dan diharapkan ia akan dapat dilaksanakan secepat mungkin untuk



kebaikan ibu bapa dan juga murid-murid itu.

Mengenai rakaman pengajaran. Terima kasih atas cadangan tersebut. Kementerian Pendidikan telah memulakan program membuat rakaman mengenai mata pelajaran-mata pelajaran. Sesungguhnya, matlamat yang akan dicapai oleh Kementerian Pendidikan amatlah tinggi iaitu merakam semua kelas yang diberikan di negara ini agar ia dapat di*upload* dalam sistem pendidikan kitani dan memberikan akses kepada semua orang.

Ini matlamat besar Kementerian Pendidikan pada masa ini dan sebab itu pada masa ini ada kemudahan rakaman diberikan kepada 9 buah sekolah yang diharapkan mereka akan dapat merakam dari Tahun 1 hingga ke Tahun 13, ia berpuluh-puluh ribu rakaman yang akan dibuat dan diharapkan ia akan dapat dilakukan dan belum lagi dapat dikira berapa tahun projek ini akan dapat dilaksanakan dan ia mengambil kira juga mungkin ditahun-tahun akan datang mungkin ada rakaman perlu dibuat dan mengambil kira ada perubahan-perubahannya. Itulah program yang dilaksanakan pada masa ini oleh Kementerian Pendidikan dan mana-mana guru yang didapati sesuai untuk membuat rakaman itu akan diberikan keutamaan seperti mana-mana guru yang telah menerima anugerah pada Hari Guru yang berkemahiran dari segi pedagogi. Mereka diberi keutamaan untuk membuat rakaman agar rakaman tersebut dapat dimanfaatkan oleh bukan sahaja para pelajar tetapi juga kepada

guru-guru lain untuk memperbaiki pedagogi masing-masing.

Mengenai elak keciciran pelajar ini mungkin Yang Berhormat sendiri telah pun menyatakan puncanya ialah isu sosial. Sekolah-sekolah adalah penerima isu sosial ini, jadinya diharapkan penyelesaiannya dapat kitani buat dari segi menangani isu sosial tersebut agar sekolah-sekolah tidak terjejas sebab ia melibatkan pelajar-pelajar yang menghadapi isu sosial itu. Isu sosial ini selalunya berada di luar sekolah, memang ada tindakan ataupun program-program telah dibuat dengan kementerian-kementerian lain dan juga *NGO* lain dalam *approach* kitani *the whole of nation approach* untuk mengurangkan keciciran pelajar ini dan selalunya keciciran ini berlaku dari masalah di luar sekolah. Penyelesaiannya mestilah dilakukan di luar sekolah agar pelajar-pelajar ini dapat bersekolah dan tidak tercicir.

Tindakan-tindakan ataupun program-program yang telah dibuat pada masa ini oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kementerian-kementerian lain dan agensi-agensi lain dan juga *NGO* untuk mengurangkan perkara-perkara ini. Diharapkan ia akan mengurangkan isu keciciran pelajar ini, Kementerian Pendidikan mengalu-alukan dan berharap ia dapat diselesaikan dengan baik secara *whole of nation approach* agar pendidikan kanak-kanak tersebut tidak terjejas. Itu adalah kepentingan yang diberikan oleh

Kementerian Pendidikan, diharapkan sama-samalah kitani memikirkan nanti yang isu-isu sosial ini dapat kitani selesaikan agar ia tidak akan menimbulkan isu keciciran pelajar rakyat kitani.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Itu sahaja yang dapat dikongsikan pada masa ini.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas mukadimah tadi dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas peningkatan dan pencapaian yang telah diperolehi dalam keputusan peperiksaan-peperiksaan awam bagi pendidikan rendah dan menengah termasuklah peperiksaan PSR, *Brunei Cambridge GCE 'O' Level* dan *GCE 'A' Level*. Ini pencapaian yang sangat bermakna bagi negara kita kerana negara juga menghadapi berbagai-bagai cabaran sepanjang tahun 2020 kerana *COVID-19*.

Pihak Kementerian Pendidikan terutama sekali tenaga-tenaga pengajar telah bertungkus-lumus dalam memastikan pelajar-pelajar bersedia untuk menghadapi peperiksaan-peperiksaan awam apa lagi bila pengajaran dan pembelajaran harus dilakukan secara dalam talian. Ini menunjukkan betapa

berpotensinya negara kita *to adapt* dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sungguhpun berhadapan dengan cabaran global demi melahirkan anak-anak tempatan yang berkualiti dan berpendidikan tinggi. Alhamdulillah, atas inisiatif pihak kementerian dalam pelaksanaan *Facilities Management* yang telah menjimatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak kira-kira \$6.8juta setahun dan berjaya menjana 260 pekerjaan kepada anak-anak tempatan tetapi masih banyak yang perlu dilaksanakan termasuklah memastikan keselamatan kebakaran di bangunan sekolah-sekolah, mematuhi Perintah Keselamatan Kebakaran 2016.

Perkara pertama yang ingin saya bincangkan ialah mengenai pemeliharaan aset-aset di bawah Kementerian Pendidikan. Saya difahamkan bahawa pihak kementerian mempunyai jumlah aset kerajaan yang tertinggi dari jumlah aset kerajaan secara keseluruhannya. Melalui data yang saya perolehi setakat Disember 2020, terdapat lebih dari 1000 aset bangunan kerajaan telah didaftarkan di bawah Kementerian Pembangunan dan lebih dari 100 aset yang masih kosong ataupun terbiar. Kebanyakan aset bangunan tersebut juga terletak di kawasan *prime areas*.

Saya ingin mencadangkan supaya aset-aset tersebut bolehlah dibukakan secara *lease* agar ia dapat diberi *purpose* kepada pihak-pihak berpotensi di pihak swasta seperti pusat penjagaan kanak-kanak dan sekolah-sekolah swasta yang kebanyakannya pada masa ini terletak

di kawasan perumahan persendirian. Keselamatan bangunan di kawasan-kawasan perumahan ini membahayakan apalagi ia juga menjadi laluan penghuni-penghuni sekitar kawasan tersebut.

Dengan adanya tawaran-tawaran *lease* kepada bangunan-bangunan terbiar ini ia boleh menjana hasil kepada kerajaan dan sekali gus mengurangkan kos pemeliharaan aset yang harus ditanggung oleh pihak kementerian.

Perkara kedua ialah mengenai projek perintis *SMART Classroom* di bawah pelaksanaan *Educational Technology Center* untuk mengembangkan pendekatan pembelajaran, *Digital SMART Classroom* dan kandungan digital serta mengintegrasikan *Learning Management System* untuk pembelajaran para pelajar serta latihan dan perkembangan profesional para guru. Projek perintis ini juga ialah salah satu projek yang dilaksanakan di bawah *Digital Economy Master Plan 2020*. Usaha ini menjurus kepada mengukuhkan penerapan digital dalam pendidikan negara.

Saya ingin mengetahui mengenai status pelaksanaan projek *Pilot Project SMART Classroom* ini dalam kalangan pelajar sebagai salah satu *key project deliverable* di bawah *Digital Economy Master Plan 2025*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila

Jasa Haji Abdul Rahman atas soalan dan juga cadangan yang diberikan itu. Mengenai aset, Kementerian Pendidikan pada masa ini Kementerian Pendidikan pun dalam proses mengira dan memperbaiki aset-aset tersebut dan ada dalam pemikiran untuk mengeksplorasi kaedah *leasing* ataupun *PPP* ke atas aset-aset yang tidak diperlukan oleh Kementerian Pendidikan itu. Jadinya, pada masa ini memang dalam proses penelitian dan ada juga yang sudah pun diserahkan kepada Kementerian Pembangunan seperti aset-aset rumah dan flat untuk kegunaan kerajaan nanti. Cadangan itu diambil baik oleh Kementerian Pendidikan dan diharapkan akan dapat diusahakan dan juga dapat kitani memanfaatkan segala aset yang terdapat ini. Ia tertakluk kepada aset-aset tersebut tidak lagi diperlukan oleh Kementerian Pendidikan dan itu satu cara untuk ia dapat dioptimumkan penggunaannya.

Mengenai *SMART Classroom* ini, projek ini projek baharu, ia baru dibuat pada Januari tahun ini. Jadinya, penilaiannya masih belum dapat dibuat dan untuk pengetahuan bersama projek ini adalah *SMART Classroom* untuk membantu guru-guru memahirkan diri dari segi menggunakan teknologi pendidikan agar pedagogi mereka akan lebih berimpak tinggi kepada pelajar-pelajar dan jua untuk para-pelajar menggunakan teknologi-teknologi baharu ini dalam pembelajaran mereka agar mereka lebih lagi tertarik dan mempunyai fokus yang lebih baik dari itu juga akan dikaji dan diharapkan program ini akan melahirkan *best practises* dari segi pedagogi dan

memberikan data-data bagi kajian Kementerian Pendidikan bagaimana pelajar kitani belajar dengan menggunakan gajet-gajet ini agar kitani akan lebih tahu apa yang praktikal dan apa yang dapat memberikan impak yang tinggi dari segi pembelajaran dan pengajaran.

Semua data ini akan dikaji dan diharapkan *output* yang diberikan dari program *SMART classroom* ini akan memberikan garis panduan yang baik pada guru-guru bagaimana menggunakan teknologi dalam pengajaran dan akan memberikan data-data yang penting kepada Kementerian Pendidikan, bagaimana pelajar-pelajar pada masa kini dimana ia dapat disatukan dengan pengetahuan pedagogi yang berlainan kepada pelajar, sepertimana yang kitani ketahui setiap pelajar itu cara belajarnya yang lain-lain dan diharapkan data-data ini dapat memberikan informasi yang diperlukan untuk menyesuaikan cara pengajaran dengan cara pembelajaran anak murid kitani.

Sekian itu saja yang dapat dikongsikan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima Kasih Yang Berhormat, saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera. Kaola menyentuh Tajuk Pengajian Tinggi,

kaola ingin mengusulkan satu cadangan kepada Kementerian Pendidikan. Seperti kita maklum setiap tahun pengambilan pelajar dari peringkat prauniversiti Politeknik dan institusi-institusi yang sebanding dengannya.

Universiti-Universiti di negara ini terhad dan ada juga universiti yang terpaksa mengambil lebih ramai pelajar dari kapasiti yang sedia ada, ini serba sedikit menjejaskan kapasiti universiti berkenaan dan kemungkinan juga kualiti pembelajaran dan pengajarannya. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan juga membelanjakan sejumlah perbelanjaan yang besar untuk menghantar anak-anak tempatan untuk melanjutkan pengajian mereka ke luar negeri.

Di samping itu, para ibu bapa yang berkemampuan dan ada juga yang terpaksa membuat pinjaman bank menghantar anak-anak mereka ke luar negara disebabkan oleh tempat yang terhad di universiti tempatan dan bidang kursus yang tidak ada ditawarkan di negara ini.

Kaola mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan untuk membuat kajian yang terperinci mengenai perkara ini jika ia sudah dikaji beberapa tahun yang lalu untuk dikaji lagi sekali. Memikirkan untuk membuka pintu kitani kepada pelabur di dalam atau di luar negara untuk menubuhkan universiti *private* di negara ini dengan memperkenalkan dasar memudahkan cara untuk memudahkan pelabur itu segera

melabur dan menubuhkan universiti berkenaan.

Kaola percaya dengan adanya universiti itu nanti akan dapat menampung keperluan-keperluan hasil dari kajian di atas termasuk membuka ruang bagi kemasukan pelajar-pelajar antarabangsa yang dapat menangani masalah kemasukan ke universiti tempatan yang tidak mencukupi. Kaola juga percaya ini dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan jika semua atau sebahagian pelajar yang dihantar ke luar negara disalurkan kemasukan mereka ke *university private* berkenaan dan kaola juga percaya ibu bapa ada pilihan dekat dan berkualiti daripada menghantar anak-anak mereka ke luar negara serta boleh menyumbang kepada galakan pelajaran di negara ini.

Sekian untuk disampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan tersebut. Memang dari segi dasar Kementerian Pendidikan mengalu-alukan jika ada pelabur-pelabur yang ingin melabur dalam sektor pendidikan terutama dari sektor pengajian tinggi dan perkara ini sudah dilaksanakan dan sudah juga dibuat kajian mengenai keperluan-keperluan kitani dan apa potensi-potensi para pelabur untuk melabur di sektor pendidikan Bahagian Pengajian Tinggi terutama di peringkat *TVET*. *TVET* telah mengadakan *baseline study*nya dan telah memberikan maklumat-maklumat tertentu mungkin berguna

untuk pelabur yang berminat untuk melakukan aktiviti pelaburan di sector pendidikan di negara ini.

Di peringkat universiti pun dialu-alukan agar dapat memberikan lagi kepelbagaian program kepada pelajar-pelajar di Brunei ini dan juga memberikan *fiscal consolidation indirect* kepada Kementerian Pendidikan jika program-program dapat dilaksanakan oleh pihak swasta. Kementerian Pendidikan menyambut baik cadangan tersebut dan akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan pelaburan ke sector Pendidikan terutama di sektor pengajian tinggi dan diharapkan ia akan dapat diambil perhatian oleh para pelabur yang berminat di sektor swasta.

Sekian itu sahaja yang dapat dikongsikan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

**Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat atas perjuangan Kementerian Pendidikan dalam mukadimah yang menjurus kepada Wawasan Brunei 2035 dalam pendidikan senegara. Kaola membawa soalan dan cadangan di bawah Tajuk SF01A -Jabatan Kementerian Pendidikan

atas perancangan sektor pemantauan dan perkembangan sistem.

Dalam tatacara holistik untuk memperkembangkan industri pendidikan sama ada melalui *PPP approach* atau sumbangan aktiviti persekolahan swasta, saya difahamkan bahawa hal perletakan sekolah swasta ini melibatkan beberapa jabatan dari kementerian-kementerian yang berbeza tetapi apabila kaola sendiri melihat peningkatan pelajar di sekolah swasta setiap tahun dikhuatiri akan mempunyai impak dari segi kapasiti bangunan, awasan bangunan dan kemudahan sampingan.

1. Adakah kementerian atau jabatan yang berkenaan memantau jumlah murid dan waktu sesi persekolahan di kawasan-kawasan yang terlibat? Adakah Kementerian Pendidikan mempunyai bidang kuasa untuk menetapkan *limit* jumlah pelajar di sekolah atau kekerapan waktu sesi persekolahan?; dan
2. Untuk menyokong juga cadangan rakan Yang Berhormat dan juga keterangan Kementerian Pendidikan tentang *utilization of asset*, kaola juga menambah cadangan untuk mengadakan Jawatankuasa Penasihat dan *stakeholders* ke atas perancangan dengan semua sekolah atau institusi swasta, dan institusi senegara.. Terima Yang Berhormat Pengerusi untuk

memberi input kepada Masterplan Review lokasi sekolah.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan untuk mengadakan jawatankuasa tersebut. Perkara ini akan diteliti lagi oleh Kementerian Pendidikan. Untuk pengetahuan bersama juga, ada kuasa pemantauan dan juga pemedulian Kementerian Pendidikan atas pertumbuhan dan perkembangan pendidikan swasta dan ia telah pun dirundingkan dengan beberapa agensi ataupun kementerian lain. Salah satunya ada sudah rancangan sekolah-sekolah swasta itu diberikan kemudahan tapak lain untuk ia beroperasi untuk ia dapat berfungsi lebih baik lagi, hanya yang difikirkan ialah adakah tapak-tapak tersebut bersesuaian ataupun menepati *interest* para sekolah swasta ini.

Bagi pihak Kementerian Pendidikan menyambut baik atas cadangan tersebut dan diharapkan ia akan dapat kitani teliti dengan lebih terperinci lagi mengenainya.

Sekian, itu sahaja yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya  
Pendikar Alam Dato Paduka  
Seri Awang Haji Hasrin bin  
Dato Paduka Haji Sabtu:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola ingin menyampaikan permohonan maaf kerana soalan yang akan kaola sampaikan sudah disampaikan oleh salah seorang Yang Berhormat tadi. Sekian.

لَسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul  
Hamid @ Sabli bin Haji Arshad:**  
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Rakyat amat bersyukur atas keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan, memberikan bukan sahaja pendidikan percuma malahan menyediakan bas pengangkutan bagi yang berkelayakan. Tapi, ada bas yang digunakan ialah bas sewa khas, ada juga yang dipunyai oleh orang asing yang terhad kepada beberapa syarikat sahaja dan sedikit sahaja menggunakan permit bas sekolah, pemandu-pemandunya juga kebanyakannya bangsa asing.

Pandangan dan cadangan kaola untuk memperkembangkan lagi banyak usahawan, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ

akan memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Dicadangkan supaya pihak kementerian hanya akan membenarkan bas yang digunakan yang mempunyai permit bas sekolah dan berwarna kuning seperti yang kitani lihat di luar negeri. Dipohonkan juga supaya syarikat yang diberikan hanya kepada syarikat yang dipunyai 100% orang tempatan yang benar-benar aktif dalam perniagaan, tidak dialibabakan', memastikan pemandu dan pekerja dalam urusan pentadbirannya akan memberikan keutamaan kepada anak-anak tempatan yang akan memberikan peluang kepada lebih banyak syarikat, tidak terhad kepada beberapa syarikat sahaja seperti yang terjadi ketika ini.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri  
Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan tersebut. Secara prinsipnya Kementerian Pendidikan menyambut baik atas cadangan tersebut terutama sekali untuk kitani mengelakkan perkara isu 'Ali Baba' atas segala semua kontrak yang berkenaan dengan pendidikan. Pada saat ini Kementerian Pendidikan membuat satu kajian bagaimana untuk mengelakkan perkara seperti isu 'Ali Baba' ini berlaku dan di sinilah diperlukan juga mungkin *input* daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat bagaimana untuk kitani sama-sama mengekang isu ini daripada menular.

Kementerian Pendidikan pada masa ini giat memperkasakan *enforcement* mengenai kontrak-kontrak yang telah pun diberikan penerima-penerima yang berjaya dan diharapkan isu 'Ali Baba' ini dapat kitani kurangkan ataupun elakkan seterusnya. Itu sahaja yang dapat dikongsikan buat masa ini Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Merujuk di bawah Tajuk SF01A - Jabatan Kementerian Pendidikan. Sepertimana yang kitani maklum bahawa keputusan kelulusan telah meningkat di semua peringkat yang mendapat keputusan cemerlang sama ada peringkat *PSR*, 'O' Level, 'A' Level dan seterusnya dan pihak Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan *Key Performance Indicator (KPI)* yang mengukur tahap akademik ke arah kecemerlangan ini. Dalam hal ini sukacita untuk mengetahui, adakah sejauh ini Kementerian Pendidikan mempunyai ataupun memperkenalkan *KPI* khusus untuk mengukur tahap meningkatkan akhlak yang baik dan cemerlang?

Seterusnya, pada masa ini juga kita mendengar isu pegawai berkontrak seperti jawatan pensyarah dan seumpamanya di beberapa institusi tinggi termasuk Universiti Brunei

Darussalam (UBD). Dalam hal ini sukacita untuk mendapat pencerahan mengenai perkembangan dan kemajuan atau status yang telah dicapai oleh bakal-bakal pengganti tenaga luar ini.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat mengenai soalan-soalan tersebut. Pertama mengenai *KPI* mengukur akhlak yang cemerlang dalam kalangan pelajar. Mungkin perkara ini dapat dilihat secara *reverse* iaitu Kementerian Pendidikan memantau dari segi isu disiplin, tatatertib para pelajar dan ia akan memberikan satu *indicator* kepada tahap akhlak dan tatatertib pelajar-pelajar kitani dan perkara ini memang ditangani. Pada masa ini juga Kementerian Pendidikan telah pun mereviu panduan tatatertib pelajar-pelajar di sekolah-sekolah di negara ini dan mungkin perkara ini dapat kitani bincangkan lebih lanjut lagi apa maksudnya dengan kriteria-kriteria tahap akhlak yang cemerlang ini. Diharapkan ia akan dapat kitani praktikkan secara baik.

Mengenai dengan program *succession planning* tenaga-tenaga pelajar di univerti-universiti, perkara ini memang masih berjalan lancar dan ia dalam tahap yang memuaskan masa ini walaupun statistik terperinci belum dapat kaola berikan masa ini dan mungkin akan dapat diberikan secara bertulis kepada Yang Berhormat pada masa akan datang. Pihak Kementerian Pendidikan akan memantau agar ia berjalan dengan



lancar seperti program *Chancellors Scholar Program* itu, tujuannya memanglah untuk meningkatkan kitani punya *succession planning* untuk mengganti tenaga-tenaga pengajar luar kepada tenaga pengajar tempatan.

Tapi harus juga diingati, tenaga-tenaga luar ini juga diperlukan untuk memberikan kepelbagaian dan juga untuk memberikan perspektif yang lebih meluas kepada pelajar-pelajar kitani yang belajar dalam negeri dan bukan di luar negeri, jadinya tenaga pengajarnya mungkin akan dapat memberikan perspektif-perspektif yang lain dan juga untuk memberikan kitani *expertise* yang belum kitani dapat jua, jadinya untuk kebaikan universiti-universiti jua memang diperlukan jua tenaga-tenaga luar dengan *expertise* yang tertentu untuk memberikan reputasi *international* kepada universiti-universiti tempatan yang diperlukan. Itu sahaja yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya kira tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam perbincangan ataupun membahaskan mengenai tajuk ini, maka masanya sudah tiba bagi kita untuk mengundi tajuk ini. Saya sekarang ingin mengetahui Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju di bawah Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A - Jabatan Kementerian Pendidikan diluluskan, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Terima kasih.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Tajuk di bawah Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A - Jabatan Kementerian Pendidikan SF01A hingga SF06A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** kita telah pun selesai meneliti dan meluluskan Kementerian Pendidikan salah salah sebuah kementerian yang terbesar dalam *establishment* kita. Saya kira sudah cukuplah bagi kita untuk bersidang di Peringkat Jawatankuasa ini dan saya kira adalah berpatutan sekarang kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin menangguhkan persidangan kita ini dan kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu pada hari Ahad, 21 Mac 2021 mulai pukul 2.30 petang. Saya minta maaf kerana terpaksa membawa Ahli-Ahli Yang Berhormat bersidang pada waktu apabila Ahli-Ahli Yang Berhormat patut berehat bersama-sama dengan keluarga masing-masing tetapi disebabkan oleh keadaan yang kita hadapi.

Maka saya tidak ada banyak pilihan,  
maka kita akan bersidang esok mulai dari  
pukul 2.30 petang, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**